

23 OCT 1998

BELANJAWAN-BANK PEMBANGUNAN/I

BANK PEMBANGUNAN AKAN BERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN PRASARANA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Bank Pembangunan Malaysia Bhd akan ditukarkan kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia dan akan memberi tumpuan kepada pembiayaan projek-projek prasarana, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Ketika mengumumkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat, beliau berkata bank tersebut yang akan mempunyai modal berbayar sebanyak RM1 bilion, akan memastikan pembiayaan berterusan bagi projek-projek pembangunan.

Menjelaskan lebih lanjut, beliau berkata kerajaan telah menubuhkan dana pembangunan bagi membiayai projek-projek prasarana yang terjejas pelaksanaannya akibat kesulitan mendapatkan pembiayaan daripada institusi-institusi perbankan.

"Ini bertujuan bagi mencergaskan semula sektor pembinaan dan perkilangan berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya industri pengeluaran bahan-bahan binaan," katanya.

Bagi tujuan inilah Bank Pembangunan ditukarkan kepada sebuah bank prasarana.

Menurut sumber-sumber perbankan, memandangkan pembiayaan yang sangat besar khususnya yang diperlukan bagi projek-projek prasarana jangka panjang, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia mungkin menerbitkan bon untuk mengumpul dana bagi keperluan pembiayaannya.

Dr Mahathir berkata pengurangan kegiatan sektor swasta yang telah menjejaskan ekonomi dengan teruk memaksa kerajaan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pertumbuhan melalui ransangan fiskal.

Kerajaan telah menukar kedudukan fiskalnya daripada belanjawan lebih kepada belanjawan defisit dan menambah peruntukan belanjawan 1998 sebanyak RM7 bilion, khusus untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Hasilnya, kerajaan Persekutuan akan mencatat defisit keseluruhan berjumlah RM9.6 bilion atau 3.7 peratus Keluaran Negara Kasar dalam tahun 1998 berbanding lebih yang dicatat bagi lima tahun yang lalu sejak tahun 1993.

-- BERNAMA

MR KY MA